

20 AUG 1998

MAHATHIR: TIADA SEBAB UNTUK CEBURU KEJAYAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tidak ada sebab pihak asing harus merasa cemburu dengan pembangunan dan pencapaian Malaysia selama ini yang dicapai hasil titik peluh rakyat negara ini sendiri.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia tidak menafikan peranan pelaburan asing dalam menjayakan ekonominya, kejayaan negara ini dicapai tanpa sikap meminta-minta daripada bangsa asing.

"Membangunkan negara ialah hak dan cita-cita kita dan tidak ada sebab sesiapa harus iri hati dengan kita sebab kita tidak meminta-minta daripada mereka," katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat yang dihadiri penduduk Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga membantu rakyat negara-negara maju menjalani kehidupan yang selesa termasuk menikmati barangan yang murah yang dikeluarkan di negara ini di samping sikapnya yang suka membantu membangunkan negara-negara miskin dan kurang maju.

Katanya negara maju sepatutnya berterima kasih kepada Malaysia yang menjalankan dasar memakmurkan jirannya tetapi sebaliknya pedagang mata wang dari negara berkenaan sengaja memiskinkan Malaysia dengan menjatuhkan nilai mata wang dan pasaran saham di sini.

Bagaimanapun, beliau yakin Malaysia akan dapat mengatasi kegawatan ekonomi sekarang dengan perpaduan kaum menjadi faktor amat penting ke arah mencapai matlamat itu.

-- BERNAMA

MAM MAI